



## NOTIS MAKLUMAN

### PENAMBAHBAIKAN PROSES SET SEMULA PERMOHONAN (RESET APPLICATION)

Dimaklumkan bahawa berkuat kuasa **1 Mei 2026**, pemohon yang telah berjaya menghantar permohonan pembiayaan secara atas talian dibenarkan untuk melaksanakan **Set Semula Permohonan Secara Sendiri (Self-Reset)**.

Kaedah Set Semula Permohonan Pembiayaan Atas Talian	
<b>Sebelum</b>	Pemohon yang ingin melakukan <b>Set Semula Permohonan</b> bagi membatalkan permohonan atas talian yang sedia ada perlu membuat permohonan kepada Lembaga melalui Portal e-Tiket atau Pusat Panggilan LPPSA. Tempoh pemprosesan Set Semula Permohonan adalah <b>3 hari bekerja</b> .
<b>Berkuat kuasa 1 Mei 2026</b>	Pemohon dibenarkan untuk membatalkan permohonan atas talian yang sedia ada dengan <b>menekan butang Set Semula Permohonan (Self-Reset)</b> yang telah diwujudkan di dalam Portal Permohonan Pembiayaan. Tempoh pemprosesan Set Semula Permohonan adalah secara <b>serta-merta</b> .

Walau bagaimanapun, **had maksimum Set Semula Permohonan (Self-Reset) secara serta-merta ini adalah sebanyak dua (2) kali sahaja**. Bagi pemohon yang melebihi had ditetapkan, tempoh menunggu selama empat (4) jam akan dikuatkuasakan sebelum pemohon dibenarkan untuk membatalkan dan membuat permohonan baharu.

Pemohon juga dinasihatkan untuk **memastikan alamat e-mel yang didaftarkan dalam Portal Permohonan Pembiayaan adalah masih aktif** bagi membolehkan proses pengesahan pautan (*link*) Set Semula Permohonan dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

**30 APRIL 2026**